

## BAB SATU : PENGENALAN

### A. Latar Belakang Kajian

Sejarah Agama Islam bermula dengan turunnya wahyu pertama kepada Muhammad bin Abdullah, seorang yang sangat terkenal dan dihormati oleh penduduk Mekah. Dengan penurunan ayat 1 hingga 5 Surah al-‘Alaq itu, maka rasmilah Baginda dilantik menjadi Nabi Allah yang terakhir yang ditugaskan untuk menyampaikan ajaran Allah Taala yang diturunkan untuk manusia bagi membimbing mereka keluar daripada kejahilan dan ‘kejahiliyahan’ (Seyyed Hossein Nasr, 1993).

Kemahiran dan kebolehan untuk membaca al-Qur’an merupakan antara kemahiran awal dan utama yang perlu dimiliki oleh orang Islam (Maimunah Ismail, 1995; Muhamad Endut, 1992; Wan Bakar Wan Dagang, 1994). Penekanan ini telah digambarkan dengan jelas oleh Allah Taala seawal wahyu yang pertama diturunkan dalam sejarah Islam yang memerintahkan agar umat Islam berupaya untuk membaca, khususnya Kalam Allah bagi membolehkan mereka memahami dan menghayati ajaran yang baru diturunkan itu.

Ditambah lagi dengan hakikat bahawa kemahiran dan kebolehan seseorang Muslim untuk membaca al-Qur’an dengan baik dan betul berkait rapat dengan keupayaannya untuk menjalankan kewajibannya sebagai seorang Muslim, khususnya dalam mendirikan solat lima kali sehari semalam (Haron Din, 1992; Mohd Ali Abu

Bakar, 1991) yang terkandung dalam salah satu rukun Islam yang mesti ditunaikan oleh mereka.

Justeru itu, sejarah perkembangan pendidikan dalam Islam amat berkait rapat dengan pengajaran al-Quran kepada anak-anak. Ibnu Khaldun (2000) dan al-Qabisi sebagaimana yang dinyatakan oleh an-Nukmy (1995), telah meletakkan pengajaran al-Quran sebagai kurikulum utama dan yang paling awal diajarkan kepada anak-anak Muslim pada masa itu. Ia penting, menurut mereka, kerana pengajaran al-Quran mampu memberikan asas akidah yang kukuh dalam diri anak-anak.

Ekoran daripada keutamaan dan kepentingan penguasaan kemahiran ini di kalangan Muslim, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Menengah (KBSM) yang digubal bagi menggantikan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) dan Menengah (KLSM), hasil daripada Laporan Kabinet 1979, menggariskan bahawa antara matlamat dan objektif Pendidikan Islam adalah untuk memastikan pelajar Muslim mempunyai kemahiran untuk membaca al-Qur'an setelah tamat persekolahan mereka (Maimunah Ismail, 1995).

Perubahan kurikulum ini adalah didasarkan kepada dapatan hasil Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, yang mengkaji mata pelajaran Pendidikan Islam untuk tempoh dua puluh tahun (1962-82) menunjukkan pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah masih berada di tahap yang kurang memuaskan dalam pendidikan al-Qur'an (Zainal Abidin, 1990).

Sehubungan dengan itu, KBSR mula diperkenalkan secara berperingkat bermula tahun 1982 melibatkan 302 buah sekolah dan sepenuhnya pada tahun 1983 (Malaysia, 1984). KBSM pula mula diperkenalkan pada tahun 1988 sebagai kesinambungan kepada KBSR. Semakan dan perubahan kurikulum yang diperkenalkan turut mempengaruhi dan melibatkan Pendidikan Islam sebagai salah satu mata pelajaran teras kurikulum ini yang telah menjadikan pelajaran al-Quran sebagai teras pengajarannya (Fazlina Fadzil, 1999).

Matlamat pelajaran al-Quran dalam KBSR terbahagi kepada dua tahap utama; Tahap Satu dan Tahap Dua. Tahap Satu melibatkan pelajar-pelajar di Tahun Satu hingga Tiga, manakala Tahap Dua pula melibatkan pelajar-pelajar yang di Tahun Empat hingga Enam.

Secara ringkas, matlamat bagi pelajaran al-Quran dalam kedua-dua tahap itu dapat disimpulkan seperti berikut (Fazlina Fadzil, 1999);

Tahap Satu :

Pelajar yang tamat tahap ini dapat ;

- i. menyebut, membaca dan menulis huruf-huruf al-Quran dengan betul serta boleh membezakan tanda-tanda yang terdapat dalam al-Quran.
- ii. membaca dan menghafaz surah-surah pendek dalam al-Quran dengan betul.

Tahap Dua :

Pelajar yang tamat tahap ini dapat ;

- i. membaca surah dan ayat al-Quran dengan bacaan yang betul dan lancar.
- ii. memahami erti ayat yang dibaca dengan ringkas.

KBSM yang mula dilaksanakan pada 1988 pula adalah merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan KBSR di peringkat sekolah rendah. Oleh itu, Pendidikan Islam di sekolah menengah yang bermula tahun 1989 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990) turut memasukkan elemen pelajaran al-Quran dalam pelaksanaannya. Walaupun demikian penekannya adalah lebih berkurangan jika dibandingkan dengan sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Ini adalah dengan andaian bahawa pelajar telah mampu menguasai kemahiran membaca al-Quran berdasarkan kepada matlamat yang telah digariskan dalam mata pelajaran tersebut di peringkat KBSR.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan bahawa dalam KBSM, mata pelajaran Pendidikan Islam dibahagikan kepada dua komponen utama, bidang tilawah al-Qur'an dan bidang ulum syariah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan, bidang tilawah al-Qur'an diperuntukkan masa sebanyak 40 peratus daripada keseluruhan masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Bidang tilawah al-Qur'an ini pula terbahagi kepada dua aspek berikut; (Maimunah Ismail, 1995; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990)

- a. Membaca ayat-ayat al-Qur'an dengan betul mengikut hukum-hukum tajwid serta memahami secara keseluruhan ayat-ayat tertentu berdasarkan tajuk-tajuk yang sesuai;
- b. Menghafaz ayat-ayat tertentu mengikut hukum tajwid untuk amalan doa, wirid dan tahlil.

Wan Bakar Wan Dagang (1991) pula menyatakan bahawa objektif tilawah al-Qur'an KBSM adalah bagi;

- i. Melahirkan pelajar yang sentiasa membaca dan menghafal al-Qur'an dengan baik dan fasih;
- ii. Melahirkan pelajar yang sentiasa membaca dan menghafal al-Qur'an di sekolah dan juga di luar sekolah;
- iii. Melahirkan pelajar yang terdidik dengan didikan al-Qur'an;
- iv. Melahirkan pelajar yang sentiasa menghayati al-Qur'an dalam kehidupan individu dan berjemaah.

Walaupun demikian, selepas lima tahun pelaksanaan KBSM, kajian yang dilakukan oleh Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan pada tahun 1994 telah mendedahkan bahawa masih ramai pelajar yang menduduki tingkatan satu di sekolah menengah masih tidak mahir membaca al-Qur'an (Maimunah Ismail, 1995). Dapatan kajian ini turut disokong oleh dapatan dan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Maimunah Ismail (1995), Muhamad Endut (1992), Mohd Yusuf Ahmad (1997) dan Madihah Haji Mohamad (1992). Menurut Che Pee Saad (1993), perkara ini berlaku,

antaranya, hasil daripada kegagalan pelajar untuk menguasai kemahiran ini dengan baik di peringkat KBSR.

Berdasarkan kajian Madihah Haji Mohamad (1992) dan Maimunah Ismail (1995), kelemahan membaca al-Qur'an di kalangan pelajar tertumpu kepada aspek-aspek berikut;

- i. kurang lancar membaca al-Qur'an;
- ii. lemah dalam memahami hukum tajwid;
- iii. tidak menguasai bacaan dan tulisan jawi;
- iv. lemah dalam sebutan makhraj huruf;
- v. tidak mampu untuk membaca potongan ayat-ayat pendek.

Fenomena kelemahan pelajar membaca al-Quran ini masih turut wujud setelah mereka terdedah dengan mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM selama beberapa tahun. Kajian yang dilakukan oleh Nor Azizah Siron (2003) terhadap 50 orang pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di Melaka telah mendedahkan bahawa 96 peratus daripada sampel "*tidak mampu untuk membaca al-Quran dengan tartil, betul tajwid dan makhraj hurufnya*" (Nor Azizah Siron, 2003).

Kajian yang hampir sama telah dilakukan oleh Ilias Embong (2003) terhadap 60 orang guru pelatih di sebuah maktab perguruan telah mendedahkan, hanya 3.3 peratus sampel berjaya membaca petikan ayat al-Quran tanpa sebarang kesilapan. Baki sampel telah didapati tidak mampu untuk membaca petikan tersebut dengan baik. Bahkan, 10 peratus daripada sampel, didapati terlalu lemah dalam bacaan mereka, "*It appeared as*

*though they were reading it for the first time.*"(Ilias Embong, 2003). Pengkaji mengandaikan sampel sudah tentu telah terdedah dengan mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM sebelum ke maktab perguruan. Ini berdasarkan kepada tahun kajian dijalankan (2003) dan tahun KBSM mula diperkenalkan dalam sistem persekolahan di Malaysia (1988).

Kajian yang dilakukan oleh Ilias Embong (2003) ini telah menguatkan lagi dapatan tinjauan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengajian Islam dan Tamadun, Maktab Perguruan Pasir Panjang, Kuala Terengganu (1997). Tinjauan telah dilakukan terhadap guru-guru pelatih Pengajian Agama Ambilan Jun 1994/96 maktab berkenaan yang sedang berada di dalam Semester Empat. Hasil tinjauan mendapati bahawa penguasaan ilmu Tajwid di kalangan mereka adalah amat tidak memuaskan.

Susulan daripada tinjauan tersebut, satu kajian telah dijalankan oleh pihak maktab pada tahun yang sama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penguasaan antara guru pelatih lelaki dan perempuan dalam ilmu tajwid. Dapatan kajian juga dengan jelas menunjukkan bahawa guru pelatih Pengajian Agama Islam tidak menguasai kemahiran Tajwid dengan baik (Jabatan Pengajian Islam dan Tamadun, 1997).

Dapatan kajian ini agak mengejutkan kerana kajian yang telah dilakukan oleh Asmariah Othman (2001) terhadap mahasiswa/i di salah sebuah institusi pengajian tinggi tempatan mendedahkan bahawa mereka telah didedahkan dengan didikan ilmu tajwid selewat-lewatnya di sekolah rendah lagi (Asmariah Othman, 2001).

Kajian-kajian yang telah dijalankan ini telah membenarkan dan menguatkan kenyataan yang telah dibuat oleh Dr. Abdul Hamid Othman et. al (1980) dalam kertas kerja beliau sempena Seminar Pengajaran al-Quran anjuran Kerajaan Negeri Kelantan yang menegaskan bahawa ;

“..kerana di akhir-akhir ini atau di masa kebelakangan ini sering kedapatan anak-anak kita tidak dapat membaca al-Quran dengan baik serta tidak dapat mengenal huruf-huruf dan baris-barisnya”. (hal. 2)

Di tingkatan empat, pelajar akan diberikan pilihan untuk mengikuti aliran pilihan mereka berdasarkan kepada pencapaian dan keputusan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Umumnya aliran yang ditawarkan meliputi aliran sastera ikhtisas, sastera perakaunan, sains tulen, sains perakaunan, agama tulen dan agama perakaunan. Bagi pelajar yang mengikuti aliran agama tulen atau agama perakaunan, mereka dikehendaki untuk mengambil mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah (PQS).

PQS yang diperkenalkan bermula tahun 1995 turut menjadikan kemahiran pelajar untuk membaca al-Qur'an sebagai salah satu objektifnya yang utama (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2002). Oleh kerana mata pelajaran ini hanya diperkenalkan kepada pelajar di tingkatan empat dan lima, kemahiran pelajar untuk menguasai kemahiran ini di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah banyak mempengaruhi tahap kemahiran mereka di peringkat ini (Che Pee Saad, 1993).



## B. Permasalahan Kajian

Sukatan mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan As-Sunnah (PQS) telah menggariskan bahawa antara objektif mata pelajaran ini adalah agar pelajar dapat membaca ayat-ayat dan surah-surah yang telah ditentukan mengikut hukum tajwid yang betul.

Membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul merujuk kepada kebolehan pelajar untuk ; 1) mengenalpasti huruf-huruf al-Qur'an dan tanda-tanda bacaannya, 2) menyebut bunyi huruf-huruf tersebut dengan sebutan yang betul mengikut *makhraj* dan *sifatnya*, 3) mengenalpasti hukum-hukum tajwid dan cara bacaan setiap satu daripadanya dan 4) membaca petikan-petikan ayat mengikut hukum tajwid yang betul dengan lancar dan tanpa tersekat-sekat (al-Qabbani, 1994; Hassan Mahmud, 1987; Abdullah al-Qari, 1975)

Yang lebih penting, keutamaan agar pelajar mampu membaca al-Quran dengan betul berkait rapat dengan keupayaan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai Muslim dengan baik, khususnya untuk menunaikan solat. Ini kerana bacaan yang tidak betul akan menyebabkan solat yang dikerjakannya menjadi tidak sempurna atau lebih malang lagi tidak sah atau tidak diterima.

Kenyataan ini menjadi amat membimbangkan apabila kajian-kajian yang dilakukan oleh Maimunah Ismail (1995), Muhammad Endut (1993), Madihah Haji Mohamad (1992), Ahmad Abdul Ghani (1997), Mohd Yusof Ahmad (1997), Nor Azizah

Siron (2003) dan Ilias Embong (2003) telah mendedahkan bahawa tahap keupayaan murid untuk membaca al-Qur'an masih berada di tahap yang tidak memuaskan.

Lebih membimbangkan lagi, kajian-kajian yang dilakukan oleh mereka telah melibatkan pelajar-pelajar di tingkatan satu, dua, empat dan guru pelatih maktab perguruan. Hanya pelajar di tingkatan tiga dan lima sahaja yang tidak terlibat dalam kajian-kajian seperti ini yang mungkin didorong oleh faktor bahawa mereka di tingkatan tiga dan lima akan menghadapi peperiksaan awam dan tidak wajar diganggu. Namun dapatan daripada kajian-kajian mereka tidak boleh diketepikan begitu sahaja kerana sampel-sampel yang terlibat dalam kajian-kajian ini hampir-hampir mewakili semua peringkat pelajar di sekolah menengah dan di institusi pengajian tinggi.

Kebimbangan ini ditambah lagi dengan hakikat bahawa mata pelajaran PQS ini hanya diperuntukkan sebanyak 160 minit seminggu (JAPIM, KPM, 2002). Ia menimbulkan persoalan sama ada masa yang telah diperuntukkan ini mencukupi bagi guru dan pelajar untuk mencapai objektif ini. Ini kerana, selain bertujuan untuk menerapkan kemahiran membaca al-Quran, guru dan pelajar masih perlu menguasai tajuk dan bidang lain yang terdapat dalam mata pelajaran ini (JAPIM, KPM, 2002).

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Fazlina Fadzil (1999) telah mendedahkan bahawa kesemua 100 orang pelajar yang telah menjadi responden kajian beliau yang terdiri daripada Tingkatan Satu hingga Lima telah bersetuju dengan kenyataan bahawa mempelajari al-Quran di sekolah adalah tidak mencukupi. Majoriti besar daripada

mereka juga menyatakan bahawa mereka memperolehi kemahiran membaca al-Quran daripada ibu bapa mereka dan bukan daripada sekolah (Fazlina Fadzil, 1999).

Dapatan kajian ini telah menguatkan lagi dapatan kajian oleh Hamezah Husin (1989) yang menyatakan bahawa masa yang singkat yang diperuntukkan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam telah menyebabkan jumlah pelajar yang dapat membaca al-Quran dengan baik adalah rendah. Jika terdapat pelajar yang berkebolehan membaca al-Quran dengan baik, ia bukanlah hasil dari pengajian yang diterima di sekolah malah hasil daripada pengajiannya di rumah (Hamezah Husin, 1989).

Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 94 buah tajuk bagi mata pelajaran ini, di mana Tingkatan Empat diuntukkan sebanyak 50 buah tajuk dan baki 44 buah tajuk untuk Tingkatan Lima. Tajuk-tajuk ini dibahagikan pula kepada 6 bidang utama ; 1) Pengajian al-Qur'an, 2) Pengajian al-Hadis, 3) 'Ulum al-Qur'an, 4) 'Ulum al-Hadis, 5) Akhlak dan 6) Tamadun Islam (JAPIM, KPM, 2002). Jumlah ayat tilawah bagi mata pelajaran ini pula adalah sebanyak 966 ayat yang terangkum dalam 13 buah surah kesemuanya (JAPIM, KPM, 2002).

Dengan hanya kurang daripada 42 minggu persekolahan setahun bagi setiap tahun persekolahan, timbul persoalan sama ada guru mampu mencapai objektif pertama mata pelajaran ini, iatu untuk membolehkan pelajar membaca, menghafaz, memahami, mengamal dan menghayati kandungan al-Quran dalam kehidupan pelajar.

Pihak yang paling tertekan selain daripada guru, semestinya pelajar selaku pihak yang diharapkan mampu untuk, bukan sahaja mengikuti sukatan yang telah ditetapkan, tetapi turut mengusainya dengan sebaik mungkin selaras dengan objektif yang telah digariskan.

Guru pula sebagai pelaksana kurikulum di dalam kelas, dengan kekangan-kekangan yang wujud, terpaksa melakukan banyak perubahan dan penyesuaian bagi menghadapi pelajar dan tahap keupayaan mereka yang pelbagai. Selain daripada tekanan untuk menghabiskan sukatan pelajaran, mencapai objektif mata pelajaran, aspirasi sekolah, mereka juga turut dihambat oleh pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam, khususnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru itu, timbul istilah “the backwash effect” dan “teaching the test” yang diperkenalkan oleh sarjana pendidikan di Barat (Wiliam, 2001 ; Lambert dan Lines, 2000) yang, menurut mereka, telah mengakibatkan berlakunya fenomena pengecilan kurikulum di dalam kelas.

Oleh yang demikian, kajian wajar dijalankan bagi meninjau sejauh mana perlaksanaan pengajaran tilawah al-Quran dalam mata pelajaran ini. Adakah dengan kekangan waktu yang diperuntukkan memberi kesan terhadap kaedah pengajaran, pembahagian waktu, bahan bantu pengajaran dan penilaian yang digunakan? Adakah kekangan-kekangan yang turut wujud dalam pengajaran mata pelajaran ini turut mempengaruhi persepsi guru terhadap pembelajaran pelajar mereka di dalam kelas?

Kajian turut wajar dijalankan di sekolah menengah agama kelolaan kerajaan negeri berdasarkan sistem kurikulumnya yang agak berbeza dengan sekolah menengah kerajaan. Dengan jumlah mata pelajaran seminggu yang lebih banyak, tentunya akan mempengaruhi pelaksanaan pengajaran tilawah ini dalam mata pelajaran berkenaan.

### C. Tujuan Kajian

Penetapan sesuatu matlamat atau objektif dalam sesuatu mata pelajaran adalah amat penting dalam merangka kurikulum sesuatu mata pelajaran. Matlamat dan objektif mata pelajaran memberikan garis panduan kepada, bukan sahaja isi kandungan mata pelajaran, tetapi turut menentukan hala tuju dan kaedah yang seharusnya digunapakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek tersebut. Ia turut berperanan dalam penyediaan perancangan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, menentukan kaedah dan jenis penilaian atau pentaksiran yang akan digunakan.

Dalam kajian ini, persoalan-persoalan yang timbul hasil daripada permasalahan yang diutarakan menjadi asas penentuan dalam menentukan tujuan dan objektif kajian. Tujuan dan objektif kajian ini adalah berkisar dalam lingkungan pelaksanaan pengajaran tilawah al-Qur'an dalam mata pelajaran PQS. Ia merangkumi peruntukan masa yang digunapakai oleh guru untuk mengajar komponen ini, kaedah-kaedah yang digunakan, persepsi dan harapan guru terhadap perlaksanaannya, kekangan-kekangan yang mungkin wujud dan cadangan-cadangan bagi memaksimumkan pencapaian objektif komponen ini dalam mata pelajaran PQS.

Secara lebih terperinci, kajian ini adalah bertujuan untuk;

1. menilai sejauh manakah guru menggunakan sebahagian masa yang diperuntukkan untuk mata pelajaran PQS bagi mengajar tilawah al-Qur'an kepada pelajar.
2. mengenalpasti kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru untuk mengajar tilawah al-Quran dalam peruntukan waktu mata pelajaran PQS, seandainya ada dan kaedah yang paling kerap digunakan oleh mereka.
3. meninjau persepsi guru terhadap pengajaran tilawah al-Qur'an dalam mata pelajaran ini terhadap peningkatan kemahiran pelajar membaca al-Qur'an.
4. melihat sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara peruntukan waktu dengan jantina, kelulusan ikhtisas dan pengalaman guru yang mengajar PQS.
5. mengenalpasti permasalahan dan kekangan yang wujud dalam pengajaran kemahiran ini kepada pelajar, seandainya ada dan cadangan-cadangan bagi memperbaiki perlaksanaannya di dalam kelas.

#### D. Soalan Kajian

Tujuan-tujuan kajian yang telah dinyatakan tadi akan tercapai, apabila penulis cuba untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut dengan menggunakan instrumen yang

telah dikenalpasti dan digubal bagi tujuan ini. Soalan-soalan kajian yang dimaksudkan adalah sebagaimana berikut;

1. Sejauh manakah guru memperuntukkan sebahagian masa daripada 160 minit yang diuntukkan untuk mata pelajaran ini bagi mengajar kemahiran membaca al-Quran ini kepada pelajar?
2. Apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru untuk mengajar kemahiran ini dalam masa yang telah ditentukan? Antara kaedah-kaedah tersebut, kaedah apakah yang paling kerap digunakan?
3. Apakah persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran ini kepada peningkatan kemahiran pelajar membaca al-Quran?
4. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara peruntukan waktu dan pembolehubah-pembolehubah berikut; jantina, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar PQS?
5. Apakah kekangan-kekangan yang wujud dalam pelaksanaan pengajaran komponen ini, seandainya ada dan apakah cadangan-cadangan bagi memperbaikinya menurut perspektif guru?

## E. Definisi Operasional

Tajuk kajian yang dijalankan ini ialah “Kajian Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di Sekolah Menengah Agama Negeri”. Bagi mencapai maksud dan tujuan kajian ini, definisi terhadap terma-terma yang terlibat adalah seperti berikut;

### 1. Pelaksanaan

Terma ini merujuk kepada ‘pengurusan, penyiapan, pengendalian, pengerjaan, praktik dan pengamalan’ (Teuku Iskandar, 1989; Zainal Abidin Safarwan, 2002) sesuatu yang telah dirancang dan ditentukan (Kelana dan Lai, 1998). Bagi tujuan kajian ini, ia merujuk kepada pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Qur’an di dalam kelas bagi mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah (PQS) KBSM.

### 2. Pengajaran

Menurut Syarifah Alwiah Alsagoff (1986), pengajaran ialah aktiviti atau proses yang dijalankan agar ‘murid belajar’. Ia juga merujuk kepada ‘satu sistem aktiviti yang secara khusus ditujukan kepada murid-murid dengan tujuan membawa perubahan tingkah laku di kalangan mereka (Kamarudin Haji Husin, 2003). Ia melibatkan aktiviti menyoal, menerangkan, mendengar, menggalakkan sesuatu dan pelbagai aktiviti lain yang mengarah kepada matlamat dan tujuan pengajaran (Syarifah Alawiah, 1986).

Dalam kajian ini, istilah ‘pengajaran’ merujuk kepada kaedah-kaedah pedagogi dan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru di dalam kelas bagi mencapai tujuan-tujuan kurikulum. Ia meliputi tujuan pengajaran, kaedah digunakan, peruntukan waktu dan



pemberatan, pemilihan bahan bantu dan kaedah penilaian yang sesuai yang digunakan oleh guru di dalam menilai pengajaran mereka dan pembelajaran pelajar.

### 3. Tilawah al-Quran

Tilawah al-Quran dalam kajian ini merujuk kepada pembacaan al-Quran. Oleh itu, kemahiran tilawah al-Quran merujuk kepada kemahiran dan kebolehan untuk membaca ayat-ayat al-Quran. Ia meliputi kebolehan untuk mengenal huruf-huruf al-Quran, mengenal baris dan tanda baca yang digunakan, membaca potongan-potongan perkataan dan menyebut potongan-potongan ayat di dalam al-Quran serta membaca dengan fasih dan lancar dengan hukum tajwid yang betul.

Dalam konteks kajian ini, pengajaran tilawah al-Quran merujuk kepada pengajaran kebolehan dan kemahiran untuk membaca al-Quran yang merupakan salah satu komponen dalam mata pelajaran PQS di tingkatan empat dan lima sekolah menengah agama kelolaan kerajaan negeri.

### 4. Sekolah-sekolah Agama Menengah Negeri

Sekolah agama menengah negeri merujuk kepada sekolah-sekolah menengah agama yang di bawah kelolaan dan pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor di seluruh negeri. Daripada sejumlah 23 buah sekolah menengah agama kelolaan JAIS, 21 buah daripadanya ada menawarkan mata pelajaran PQS untuk pelajar tingkatan empat dan lima.

## F. Kepentingan Kajian

Pengajaran kemahiran tilawah al-Quran atau membaca al-Quran bagi mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah merupakan salah satu komponen yang kecil dalam mata pelajaran ini. Selain daripada komponen ini, mata pelajaran ini turut meliputi bidang hafazan, 'Ulum al-Quran, pengajian al-Quran, pengajian al-Hadith, 'Ulum al-Hadith, akhlak dan Tamaddun Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Sungguhpun ia hanyalah satu komponen kecil, namun peranan yang dimainkan oleh komponen ini dalam kehidupan pelajar adalah lebih besar dan mempunyai kaitan dengan bidang-bidang lain yang terdapat dalam mata pelajaran ini. Sebagai contoh, bidang hafazan. Bagi memastikan pelajar mampu untuk menghafaz sesuatu potongan ayat yang telah ditentukan, mereka mestilah mampu untuk membaca petikan atau potongan ayat tersebut terlebih dahulu. Potongan ayat itu pula mestilah dibaca dengan betul dan bertepatan dengan hukum tajwid yang terdapat di dalamnya.

Kedua-dua perkara ini terkandung di dalam komponen kecil pengajaran kemahiran al-Quran yang dimaksudkan.

Begitu juga dengan sukatan ayat-ayat tilawah yang mesti diselesaikan oleh pelajar sepanjang tempoh dua tahun mereka mengikuti mata pelajaran ini. Keupayaan pelajar untuk membaca al-Quran dengan baik dan lancar akan memastikan guru dan pelajar berpeluang untuk menyelesaikan sukatan yang telah ditentukan.

Oleh itu, kajian ini penting kerana ia dapat memberikan gambaran tentang pelaksanaan pengajaran komponen ini dalam mata pelajaran tersebut. Kajian juga dapat memberikan jawapan kepada persoalan sama ada peruntukan masa dan bebanan sukatan yang telah ditentukan memberikan kesan terhadap pelaksanaan pengajaran komponen ini dalam waktu pengajaran yang sebenar di dalam kelas. Ia meliputi penentuan objektif, pemilihan kaedah, pemberatan masa, pemilihan bahan bantu dan kaedah penilaian yang digunakan.

Penyelidikan ini juga diharapkan akan dapat memberikan penjelasan tentang persepsi sebenar guru berhubung pengajaran komponen ini kepada pelajar mereka, dengan melihat perhubungannya dengan pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini.

Pemilihan sekolah agama menengah negeri di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga bertujuan untuk meninjau dan mendapatkan gambaran tentang pelaksanaan tuntutan mata pelajaran ini di bawah sekolah kelolaan kerajaan negeri. Dengan peruntukan waktu yang dikurangkan untuk menampung bilangan mata pelajaran yang lebih banyak, sudah tentu pelaksanaannya akan sedikit berbeza jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan. Kajian ini akan memberikan gambaran tentang pemberatan yang diberikan oleh guru dan pelajar terhadap komponen ini dalam sistem pendidikan mereka.

Kajian ini juga diharap akan merintis jalan bagi penyelidikan yang berikutnya, khususnya yang berkaitan dengan mata pelajaran ini. Oleh kerana mata pelajaran ini agak baru diperkenalkan, kajian ilmiah yang telah dijalankan bagi meninjau pelaksanaan mata pelajaran ini di sekolah adalah sangat berkurangan. Diharapkan selepas kajian ini, akan ada kajian-kajian lain yang dijalankan bagi mengkaji mata pelajaran ini dari sudut dan perspektif yang berbeza.

#### G. Limitasi Kajian

Oleh kerana kajian ini tertumpu kepada sekolah agama menengah negeri kelolaan JAIS, maka dapatan hanyalah dapat disimpulkan kepada sekolah-sekolah jenis ini sahaja. Bagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan, kajian yang lain perlu dijalankan untuk mendapatkan gambaran yang sebenar tentang pelaksanaan pengajaran komponen ini.

Kajian juga hanya tertumpu kepada sekolah-sekolah sebegini di negeri Selangor sahaja dan mungkin ia tidak dapat menggambarkan keseluruhan sekolah-sekolah agama kelolaan negeri-negeri lain seperti Johor, Kelantan, Kedah dan Terengganu yang turut mengelolakan sekolah-sekolah agama mereka sendiri menggunakan kurikulum yang mungkin agak berbeza.

Kajian ini juga agak terbatas kerana ia hanya menumpukan kepada respon dan jawapan yang diberikan oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini di dalam kelas selaku sampel kajian tanpa melibatkan pihak pentadbir atau pelajar yang terlibat. Justeru,

pandangan dan pendapat yang diperolehi hanya mewakili dan menggambarkan golongan ini sahaja.

Sungguhpun terdapat beberapa limitasi terhadap kajian ini, namun dapatan yang diperolehi mampu untuk memberikan gambaran yang sebenar berhubung soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana, guru sebagai pelaksana kurikulum, adalah mereka yang benar-benar terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran di dalam kelas. Mereka merancang berdasarkan kurikulum yang telah ditetapkan, berpandukan keupayaan pelajar dan peluang pengajaran dan pembelajaran yang sebenar yang terpaksa mereka tempuhi.

Walaupun demikian, adalah diharapkan limitasi-limitasi yang terdapat di dalam kajian ini, akan memberi ruang kepada kajian-kajian lain, khususnya yang berkaitan dengan mata pelajaran ini di masa yang akan datang.